

KEFAHAMAN AKIDAH DI PUSAT PEMINDAHAN MANGSA BANJIR: KAJIAN PERINTIS DI DAERAH TEMERLOH DAN MARAN, PAHANG¹

AQIDAH UNDERSTANDING AT FLOOD RELIEF CENTERS: AN EXPLORATORY STUDY IN TEMERLOH AND MARAN DISTRICT, PAHANG

Irwan Mohd Subri (Ph.D)², Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali³,
Walid Mohd Said⁴, Nisar Mohammad Ahmad (Ph.D)⁵,
Amir Shaharuddin (Ph.D)⁶, Mohd Aizuddin Abdul Aziz⁷,

¹ Artikel ini adalah sebahagian dapatan penyelidikan yang bertajuk “Model Pengurusan Fiqh Banjir” di bawah biaya geran FRGS Banjir, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kod: USIM/FRGS_FLOOD/FPQS-INFAD/32/50115.

² Corresponding Author. Prof. Madya & Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. wmfazrul@usim.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. walid@usim.edu.my

⁵ Pegawai Penyelidik Sosial, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. nisar.usim@gmail.com

⁶ Prof. Madya & Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. amir@usim.edu.my

⁷ Guru Bahasa, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia. aizuddin@usim.edu.my

Mohd Azhar Ibrahim Residi⁸, Mohd Nur Adzam Rasdi⁹, Syadiyah Abdul Shukor (Ph.D)¹⁰ & Bilal Jailani¹¹



ABSTRAK

Penghujung tahun 2014, Malaysia khususnya di Pantai Timur telah dilanda banjir besar yang luar biasa. Mangsa-mangsa yang dipindahkan dan ditempatkan di pusat pemindahan melebihi dua ratus ribu orang. Situasi yang penuh dengan cabaran dan dugaan itu amat berkait berkait rapat dengan konsep-konsep akidah seperti iman terhadap qadak dan qadar, bencana sebagai ujian dan kefahaman tawakal. Untuk mengetahui tahap kefahaman warga pusat pemindahan terhadap isu-isu ini, satu kajian perintis kuantitatif berbentuk soal selidik telah dijalankan ke atas 18 orang. Pemilihan responden dibuat menggunakan kaedah persampelan mengikut kesenangan (convenience sampling). Dengan menjadikan daerah Temerloh dan Maran sebagai lokasi kajian, ketiga-tiga tema yang diuji menunjukkan nilai min yang tinggi, sekaligus memberi makna bahawa responden mempunyai tahap kefahaman akidah yang tinggi.

Kata kunci: akidah, Temerloh, Maran, banjir, kefahaman

ABSTRACT

At the end of 2014, Malaysia was hit by an extraordinary and massive flood which affected mainly on its east coast region. The victims, who accounted as more than two hundred thousand people were rescued and placed at flood relief centers. Situation at the relief centers were very challenging and they were closely related to many aqidah's concept, for instances Qada and Qadar, the understanding of disasters

⁸ Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. azhar@usim.edu.my

⁹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. nuradzam@usim.edu.my

¹⁰ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. syadiyahas@usim.edu.my

¹¹ Pembantu Penyelidik, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia. jbilal88@gmail.com

as tests and the concept of tawakkal. In order to determine the level of understanding among evacuees regarding those concepts, an exploratory quantitative study had been conducted on 18 respondents. The study used convenience method of sampling. Conducted in the district of Temerloh and Maran, all three tested themes showed high mean scores which indicated high understanding in aqidah among respondents.

Keywords: *aqidah, Temerloh, Maran, flood, understanding*

PENDAHULUAN

Penghujung 2014 menyaksikan peristiwa banjir besar yang melanda negeri-negeri Pantai Timur Malaysia dan juga Perak yang telah mengakibatkan kemusnahan harta benda, merosakkan infrastruktur awam, mengganggu struktur sosial dan aktiviti ekonomi, merencatkan perkhidmatan awam, memusnahkan sebahagian besar kawasan pertanian bahkan telah mengorbankan nyawa. Peristiwa banjir ini merupakan banjir paling besar yang pernah direkodkan dalam sejarah pantai timur dalam tempoh 30 tahun (Astro Awani, 2014).

Kesan daripada bencana alam ini bukan sahaja menyebabkan penduduk terpaksa berpindah meninggalkan kediaman mereka ke pusat-pusat pemindahan mangsa banjir yang telah disediakan, bahkan ada antara mangsa yang tidak sempat berpindah kerana air naik mendadak dan terpaksa berlindung di bukit-bukit dan tempat tinggi sehingga air surut.

Senario ini menyaksikan peningkatan mendadak dalam statistik pemindahan mangsa banjir seperti yang telah dicatatkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Jumlah mangsa banjir yang telah dipindahkan di Pahang mencecah 49,369 orang (BH Online, 2014). Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang telah dipindahkan di Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak dan Johor ialah seramai 225,370 orang setakat 25 Disember 2014 (Mstar, 2014). Mereka dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan sementara yang terdiri daripada sekolah, kolej, masjid, dewan orang ramai dan sebagainya.

Situasi ketika bencana ini amatlah mencabar jiwa dan raga mangsa, di mana mereka baru sahaja kehilangan tempat tinggal, ladang-ladang, binatang ternakan dan paling tragis, kematian ahli keluarga, benar-

benar menguji keimanan dan kesabaran. Antara kesan yang mungkin menimpa mereka adalah rasa putus asa terhadap rahmat Allah SWT, menyalahkan Allah SWT atas bencana yang menimpa, hilang arah tuju hidup dan pelbagai lagi. Justeru, kefahaman akidah yang kukuh dan mantap amat diperlukan dalam situasi sebegini.

Kepentingan Ilmu Akidah

Akidah berasal dari perkataan arab (عقد) bererti simpulan atau ikatan. Pengertian akidah ini digunakan pada tali dan seumpamanya (al-Bustami, Fuad Afran, 1923). Manakala menurut Ibnu Manzur, ikatan dan simpulan tersebut memberi maksud perjanjian (Ibn Manzur, t.t). Menurut Ainun Najib (2011), maksud akidah pada istilah adalah dasar-dasar kepercayaan dan keyakinan hati seorang muslim yang bersumber ajaran Islam yang wajib dipegangi oleh setiap muslim sebagai sumber keyakinan yang mengikat.

Akidah adalah asas utama yang memantapkan lagi keyakinan manusia dalam beragama (Said Hj Ibrahim, 1995). Tanpa akidah yang mantap, manusia sentiasa dalam keadaan ragu-ragu dan tidak yakin terhadap apa yang dipercayai.

Akidah merupakan salah satu syarat asas penerimaan amal oleh Allah SWT. Jika akidah rosak, Allah SWT tidak akan menerima amalan yang dilakukan oleh seorang hamba. Syarat asas penerimaan amal yang lain adalah mematuhi cara yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, akidah juga mampu menyemai iman dalam hati manusia hingga dapat mengelakkan diri daripada terpedaya dari kesenangan dunia dan melakukan penyelewengan dalam agama (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1983).

Menurut Muhammad Naim Yasin (2009), seorang mukmin yang melihat musibah akan memahami bahawa kejadian itu adalah takdir Allah SWT, lalu hatinya menjadi tenang dan dia reda kepada Tuhannya, bahkan dia akan sentiasa menunggu peluang-peluang pahala daripada musibah itu, iaitu dengan merasa reda dan bersabar.

Rasulullah SAW pernah ditanya, “Golongan manusia yang manakah yang paling berat ujiannya?”, lalu baginda menjawab, “Para Nabi, kemudian yang semisalnya dan semisalnya lagi. Seseorang akan diuji sesuai dengan keadaan agamanya. Apabila agamanya begitu kuat (kukuh), maka semakin berat pula ujiannya. Apabila agamanya lemah,

maka dia akan diuji sesuai dengan keadaan agamanya. Seorang hamba sentiasa diuji hingga dia berjalan di muka bumi dalam keadaan bersih dari dosa” (Hadis. Al-Tirmidhiyy. No. 2398).

TUJUAN KAJIAN

Kajian perintis ini dijalankan bagi mengetahui tahap kefahaman ilmu akidah berkaitan banjir dalam kalangan warga pusat pemindahan mangsa banjir di daerah Temerloh dan Maran, Pahang ketika dilanda banjir besar pada akhir 2014. Soalan kajian dinyatakan sebagai “sejauh manakah tahap kefahaman ilmu Akidah yang berkait isu bencana dalam kalangan warga pusat penempatan banjir di daerah Temerloh dan Maran?”. Dengan adanya maklumat ini, pihak berwajib dapat menentukan tindakan yang dapat diambil bagi menambah baik kualiti pengurusan pusat pemindahan dan menjaga ketenteraman ibadah umat Islam. Pihak berwajib seperti Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Negeri mempunyai tanggungjawab memastikan umat Islam sentiasa mendapat ilmu dan maklumat yang cukup dalam melaksanakan tanggung jawab harian mereka sebagai seorang Muslim. Dengan mendidik masyarakat, pihak berwajib dapat membendung kefahaman songsang dalam beragama, selain mengelakkan perbalahan dan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, penyelidik juga berharap pengetahuan terhadap tahap kefahaman akidah ini dapat memberi serba sedikit gambaran umum kepada penyelidikan berikutnya, sesuai dengan sifat penyelidikan ini yang lebih menjurus kepada penerokaan berbanding deskriptif dan penjelasan. Menurut Lim (2007), biasanya soalan bagi penyelidikan yang bersifat penerokaan belum mencapai tahap yang mantap. Fokus soalan kajian lebih pada “apa” berbanding “bagaimana” dan “mengapa”. Matlamat utama penyelidikan seperti ini adalah membentuk soalan kajian yang lebih berfokus dan signifikan untuk dijawab oleh penyelidikan akan datang. Oleh itu, kajian perintis ini akan menjadi rujukan pelajar, ahli akademik dan pengkaji seterusnya dalam mengemaskin perancangan untuk mengumpul data, menyemak kesahan instrumen yang digunakan serta mengetahui kekangan-kekangan yang mungkin timbul dalam proses pengumpulan data.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Secara umumnya, instrumen soal selidik ini dibina hasil perbincangan sesama penyelidik sebelum mengutip data di pusat penempatan terpilih. Melalui maklumat yang ada di media massa, penyelidik cuba mengagak situasi sebenar di pusat penempatan dan isu-isu akidah yang terlibat. Dengan itu terhasillah instrumen Soal Selidik ini.

Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu (1) Latar Belakang Responden dan (2) Soalan Kefahaman. Item Latar Belakang Responden terdiri daripada jantina, umur, pusat penempatan, status perkahwinan, pendidikan tertinggi dan sektor pekerjaan. Manakala di bahagian Soalan Kefahaman, sebanyak 10 soalan ditanya berkaitan empat konsep ilmu akidah iaitu iman terhadap qadak dan qadar, kefahaman bahawa bencana adalah ujian, kefahaman bahawa bencana datang sebagai bala dan kefahaman tawakkal. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan skala Likert 5-mata dari 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju).

Bagi mendapatkan data, penyelidik telah mengunjungi dua pusat pemindahan mangsa banjir di Temerloh dan Maran. Jumlah pusat pemindahan yang ada di Temerloh adalah 62 buah (BH Online, 2014), manakala jumlah pusat pemindahan di Maran adalah 32 buah. Berikut adalah dua pusat pemindahan yang dikunjungi:

Bil.	Pusat Penempatan	Mukim	Daerah
1.	Sekolah Sukan Pahang SMK Seberang Temerloh	Temerloh	Temerloh
2.	Sekolah Kebangsaan Kertau	Kertau	Maran

Populasi bagi kajian ini adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan operasi di pusat pemindahan mangsa banjir di daerah Temerloh, sama ada sebagai mangsa, atau sukarelawan yang datang berkhidmat, atau pegawai badan keselamatan yang bertugas seperti polis dan bomba. Menurut BH Online (2014), daerah Temerloh

merekodkan jumlah mangsa banjir teramai di Pahang iaitu 19,875 orang daripada 4,831 keluarga di 62 pusat pemindahan. Selain mangsa banjir, petugas dari agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga dikira sebagai sebahagian dari populasi.

Bilangan petugas dari kerajaan, swasta dan NGO ini sukar dipastikan dengan tepat kerana tiada pihak yang merekod bilangan mereka. Ada dalam kalangan mereka yang datang dari luar negeri untuk membantu selama sehari atau dua hari, kemudian pulang ke negeri asal mereka. Penyelidik mengambil keputusan untuk mengabaikan bilangan petugas dan sukarelawan dalam menentukan anggaran populasi kerana bilangan mereka sukar ditentukan. Justeru, populasi kajian bagi daerah Temerloh hanya melibatkan angka mangsa yang dipindahkan ke pusat penempatan sahaja, iaitu 19,875 orang, dan angka ini dianggap mewakili seluruh populasi responden daerah Temerloh.

Daerah Maran pula mencatatkan 4,351 mangsa daripada 1,135 keluarga di 32 pusat pemindahan. Apabila digabungkan dengan populasi daerah Temerloh, populasi bagi kajian ini adalah seramai 24,226 orang. Langkah mengenal pasti populasi sasaran yang tepat ini amat penting bagi menjamin kualiti sampel dan kualiti generalisasi dapatan daripada sampel ke populasi mengandungi keraguan (Lim, 2007). Penyelidik memilih 22 orang responden menggunakan teknik persampelan mengikut kesenangan (*convenience sampling*). Melalui kaedah ini, penyelidik telah memilih mana-mana warga di pusat-pusat pemindahan itu yang dirasakan sedia memberi kerjasama untuk menjawab soal selidik.

Data yang dikumpul itu disimpulkan melalui bacaan min dan sisihan piawai. Menurut Lim (2007), nilai min memberikan nilai tipikal set data yang dipungut. Manakala nilai sisihan piawai memberikan ukuran sebaran data, iaitu samada data berdekatan (nilai sisihan piawai rendah) atau berjauhan (nilai sisihan piawai tinggi) antra satu sama lain. Lebih rendah nilai sisihan piawai, lebih homogen set data itu. Lebih tinggi nilai sisihan piawai, lebih heterogen set data itu.

Interpretasi nilai min dan sisihan piawai adalah seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Interpretasi Nilai Min

Nilai Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Jadual 2: Interpretasi Nilai Sisihan Piawai

Nilai Sisihan Piawai	Interpretasi
0.00-0.25	Sangat Rendah
0.26-0.50	Rendah
0.51-0.75	Sederhana
0.76-1.00	Tinggi
>1.01	Sangat Tinggi

LIMITASI KAJIAN

Proses pengumpulan data ini hanya dijalankan dalam tempoh dua hari sahaja, iaitu pada 2 dan 3 Januari 2015. Dalam keterhadan masa, ditambah dengan kesukaran bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi akibat banjir, penyelidik hanya sempat mengunjungi dua buah pusat penempatan daripada jumlah keseluruhan 94 buah pusat penempatan yang ada di daerah Temerloh dan Maran.

Selain itu, terdapat juga beberapa kelompongan pada respon yang diterima, iaitu responden tidak menyatakan maklumat latar belakang secara lengkap. Daripada 22 respon yang diterima, hanya 18 respon sahaja yang lengkap diisi untuk dianalisis.

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

Analisis Demografi

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif demografi responden yang melibatkan 18 orang responden.

Jadual 3: Analisis Demografi

Demografi	N	%
Jantina		
Lelaki	10	55.6
Perempuan	8	44.4
Umur		
18-25	7	38.9
26-35	5	27.8
36-45	3	16.7
46 dan ke atas	3	16.7
Pusat Pemindahan		
SK Kertau	14	77.8
SMK Seb Temerloh	4	22.2
Status Perkahwinan		
Bujang	11	61.1
Berkahwin	6	33.3
Duda/Janda	1	5.6
Pendidikan Tertinggi		
Sekolah Rendah	0	0
SRP/PMR	0	0
SPM/SPMV	6	33.3
STPM/Diploma	6	33.3
Sarjana Muda	6	33.3
Sarjana/PhD	0	0
Sektor Pekerjaan		
Kerajaan	4	22.2
Swasta	6	33.3
Bekerja Sendiri	4	22.2
Tidak Bekerja	4	22.2

10 orang atau 55.6% responden adalah lelaki dan lapan orang atau 44.4% responden adalah perempuan. Dari segi umur responden, didapati responden berumur antara 18 hingga 35 tahun adalah responden yang paling ramai dalam soal selidik ini iaitu sebanyak 38.9%. Baki responden yang terlibat, 27.8% mewakili responden berumur 26 hingga 35 tahun, 16.7% mewakili responden berumur 36 hingga 45 dan turut mencatatkan 16.7% adalah responden berumur 46 tahun dan ke atas.

Dari segi pusat pemindahan, majoriti responden yang terlibat adalah dari SK Kertau iaitu seramai 14 orang dan mewakili 77.8% daripada seluruh responden. Bakinya sebanyak 22.2% atau empat orang adalah responden dari SMK Seberang Temerloh. Maklumat status perkahwinan responden pula menunjukkan majoriti responden adalah dari kalangan yang bujang iaitu sebanyak 61.1%. Bakinya berjumlah 33.3% dari kalangan yang berkahwin dan 5.6% dari kalangan duda atau janda.

Dari sudut pendidikan tertinggi pula, dapatan menunjukkan peratus yang sama rata di antara responden di peringkat SPM/SPMV, STPM/Diploma dan Sarjana Muda iaitu masing-masing berjumlah 33.3%. Manakala tiada responden yang mempunyai pendidikan tertinggi Sekolah Rendah, SRP/PMR dan Sarjana/PhD.

Maklumat yang terakhir bagi demografi responden ialah sektor pekerjaan. Responden tertinggi adalah di kalangan pekerja di sektor swasta iaitu sebanyak 33.3%. Manakala baki responden terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor kerajaan, bekerja sendiri dan tidak bekerja di mana masing-masing mencatatkan 22.2%.

Analisis Soalan Kefahaman

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan setiap respon terhadap 10 soalan kefahaman akidah yang ditanya.

Kefahaman Akidah di Pusat Pemindahan Mangsa Banjir

Jadual 4: Analisis Jawapan kepada Soalan Kefahaman Akidah

Tema	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Beriman dengan Qada dan Qadar	1. Bencana banjir ini berlaku kerana takdir Allah SWT.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	3 (16.7)	15 (83.3)	4.83	0.38
	2. Manusia mempunyai sebarang ikhtiar dalam menangani masalah banjir ini pada masa hadapan. <i>(reversed)¹</i>	1 (5.6)	0 (0)	3 (16.7)	13 (72.2)	1 (5.6)	3.72	0.83
	3. Segala takdir manusia adalah ketentuan Allah SWT, manusia hanya perlu pasrah dengan apa yang menimpa atas mereka.	1 (5.6)	1 (5.6)	0 (0)	10 (55.6)	6 (33.3)	4.06	1.06
	4. Orang Islam yang menolak takdir Allah SWT tidak sempurna imannya di luar musim banjir.	1 (5.6)	2 (11.1)	3 (16.7)	5 (27.8)	7 (38.9)	3.83	1.25
	5. Seseorang yang ditimpa musibah perlu menerima takdir Allah SWT dan tidak menentukan takdirnya sendiri. <i>(reversed)²</i>	1 (5.6)	1 (5.6)	0 (0)	4 (22.2)	12 (66.7)	4.39	1.14
	6. Menerima ketentuan Allah SWT dan berikhtiar termasuk dalam beriman dengan qada ^c dan qadar.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	2 (11.1)	16 (88.9)	4.89	0.32

Tema	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
Bencana Sebagai Ujian	7. Bencana banjir ini berlaku kerana dosa yang telah dilakukan oleh manusia.	2 (11.1)	2 (11.1)	2 (11.1)	8 (44.4)	4 (22.2)	3.56	1.29
	8. Bencana banjir ini berlaku kerana Allah SWT ingin menghapuskan dosa manusia.	1 (5.6)	2 (11.1)	3 (16.7)	4 (22.2)	8 (44.4)	3.89	1.28
	9. Allah SWT tidak menzalimi manusia dengan memberikan pelbagai musibah dan ujian. (reversed) ³	0 (0)	1 (5.6)	1 (5.6)	3 (16.7)	13 (72.2)	4.56	0.86
Kefahaman Tawakkal	10. Tawakkal bermaksud saya perlu reda dengan bencana banjir dan melakukan ikhtiar dalam menyelamatkan diri serta meneruskan kehidupan.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	6 (33.3)	12 (66.7)	4.67	0.49

Petunjuk: STS-Sangat Tidak Bersetuju, TS-Tidak Setuju, TP-Tidak Pasti, S-Setuju, SS-Sangat Setuju.

Petunjuk Interpretasi Min: 1.00-2.33: Rendah, 2.34-3.66: Sederhana, 3.67-5.00: Tinggi.

Petunjuk Interpretasi SP: 0.00-0.25: Sangat Rendah, 0.26-0.50: Rendah, 0.51-0.75: Sederhana, 0.76-1.00: Tinggi, >1.01: Sangat Tinggi

Tema Beriman Dengan qadak dan qadar diwakili oleh Soalan 1, 2, 3, 4, 5 dan 6. Bagi Soalan 1, 83.3% responden sangat bersetuju bahawa banjir yang berlaku adalah takdir Allah SWT. Min yang dicatatkan adalah 4.83 dan ini menunjukkan responden mempunyai tahap kefahaman akidah yang tinggi dalam hal ini. Sisihan piawai yang

dicatatkan adalah rendah, iaitu 0.38 menunjukkan tahap konsensus yang tinggi dalam kalangan responden terhadap Soalan 1. Bagi Soalan 2, 72.2% bersetuju bahawa manusia mempunyai ikhtiar dalam menangani masalah banjir pada masa hadapan.

Soalan 2 mencatat min 3.72 (tinggi) dan ini dan sisihan piawai 0.83 (tinggi). Asalnya, soalan ini ditanyakan dalam pernyataan negatif, iaitu “Manusia tidak mempunyai sebarang ikhtiar dalam menangani masalah banjir ini pada masa hadapan”. Bagi memudahkan kerja analisis data, pernyataan tersebut diterbalikkan (*reversed*) menjadi positif kepada, “Manusia mempunyai sebarang ikhtiar dalam menangani masalah banjir ini pada masa hadapan”.

Hal ini bagi menyelaraskan nilai jawapan, sekaligus memudahkan perbandingan dengan dapatan-dapatan dari soalan lain. Soalan 3 mencatat min 4.06 (Tinggi) dan sisihan piawai 1.06 (sangat tinggi). Majoriti responden (55.6%) bersetuju bahawa segala takdir adalah ketentuan Allah SWT dan manusia hanya perlu pasrah dengan apa yang menimpa mereka. Soalan 4 mencatat min 3.83 (tinggi) dan sisihan piawai 1.25 (sangat tinggi).

Majoriti responden (38.9%) sangat bersetuju bahawa iman orang yang menolak takdir Allah SWT adalah tidak sempurna. Asalnya, soalan ini ditanya dalam pernyataan negatif, iaitu “Seseorang yang ditimpa musibah perlu menolak takdir Allah SWT dan menentukan takdirnya sendiri”. Bagi memudahkan kerja analisis data, pernyataan tersebut diterbalikkan (*reversed*) menjadi positif kepada, “Seseorang yang ditimpa musibah perlu menerima takdir Allah SWT dan tidak menentukan takdirnya sendiri”.

Soalan 5 mencatat min 4.39 (tinggi) dan sisihan piawai 1.25 (sangat tinggi). Majoriti responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa seseorang yang ditimpa musibah perlu menerima takdir Allah SWT dan tidak menentukan takdirnya sendiri. Manakala Soalan 6 mencatat min 4.89 (tinggi) dan sisihan piawai 0.32 (rendah). Majoriti responden sangat bersetuju bahawa menerima ketentuan Allah SWT dan berikhtiar termasuk dalam hal beriman dengan qadak dan qadar.

Tema Bencana Sebagai Ujian pula diwakili oleh soalan 7, 8 dan 9. Bagi soalan 7, min yang dicatatkan adalah 3.56 (sederhana) dan sisihan piawainya adalah 1.29 (sangat tinggi). Majoriti responden (44.4%) bersetuju bahawa banjir ini berlaku akibat dosa yang dilakukan oleh manusia. Bagi soalan 8, min yang dicatatkan adalah 3.89 (tinggi) dan sisihan piawainya adalah 1.28 (sangat tinggi). Majoriti responden

(44.4%) sangat bersetuju bahawa bencana banjir berlaku disebabkan Allah SWT ingin menghapus dosa manusia.

Soalan 9 merupakan pernyataan yang bersifat positif, tetapi ditukar menjadi negatif bagi memudahkan analisis deskriptif. Soalan asalnya berbunyi “Allah SWT menzalimi manusia dengan memberikan pelbagai musibah dan ujian”, kemudian ditukar kepada “Allah SWT tidak menzalimi manusia dengan memberikan pelbagai musibah dan ujian”.

Soalan 10 mewakili tema Kefahaman Tawakkal. Soalan ini mencatat min 4.67 (tinggi) dan sisihan piawai 0.49 (rendah). Majoriti responden (66.7%) sangat bersetuju bahawa tawakkal bermaksud mereka reda dengan banjir dan mencari ikhtiar dalam menyelamatkan diri serta meneruskan kehidupan.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih khusus, min bagi setiap tema juga dikira. Jadual 5 menunjukkan nilai min bagi setiap tema.

Jadual 5: Nilai Min Mengikut Tema

Tema	Nilai Min	Interpretasi
Beriman Dengan Qada dan Qadar	4.29	Tinggi
Bencana Sebagai Ujian	4.00	Tinggi
Kefahaman Tawakal	4.67	Tinggi
MIN KESELURUHAN	4.32	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, kesemua tema yang mencatat nilai min yang tinggi, sekaligus menunjukkan responden mempunyai tahap kefahaman akidah yang tinggi dalam ketiga-tiga tema; Beriman Dengan Qada dan Qadar, Bencana Sebagai Ujian dan Kefahaman Tawakal. Min keseluruhan adalah 4.32 (tinggi).

PERBINCANGAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kefahaman akidah berkaitan banjir dalam kalangan warga pusat penempatan mangsa banjir. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai kefahaman akidah yang tinggi berkaitan banjir. Daripada 10 soalan, hanya satu soalan sahaja yang tidak mendapat nilai min

Tinggi, iaitu Soalan 7. Soalan ini menguji kefahaman responden berkenaan kaitan bencana dengan dosa manusia. Allah SWT berfirman:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ

Maksudnya: *Apa saja nikmat yang kamu peroleh adalah dari Allah SWT, dan apa saja bencana yang menimpamu, maka dari dirimu sendiri.*

(al-Quran. Al-Nisa': 79)

Menurut Ibn Kathir (2004), maksud frasa “daripada dirimu sendiri” dalam ayat 79 Surah An-Nisaa adalah “dari perbuatan kamu”. Menurut Ibn Kathir juga, Hasan Al-Basri menafsirkan frasa di atas sebagai “daripada dosa kamu”, manakala Qatadah menafsirkannya sebagai “balasan buatmu disebabkan dosamu”.

Implikasi Pemahaman Akidah

Kefahaman akidah yang kukuh dapat meredakan kedukaan yang menimpa mangsa sesebuah bencana. Dengan memahami bahawa segala takdir adalah milik Allah SWT, dan setiap diri adalah milik Allah SWT, hamba yang diuji akan mengatakan, “Sesungguhnya kami milik Allah SWT, dan kami akan dikembalikan kepada-Nya” (al-Quran. Al-Baqarah: 156) sebagaimana yang diajarkan dalam Islam. Menurut Ibn Kathir (2004), ucapan yang diajarkan Al-Quran itu adalah satu hiburan buat mereka yang diuji. Bencana-bencana yang menimpa itu mendorong mereka mengakui diri mereka sebagai milik Allah SWT dan kepada Allah SWT mereka akan kembali.

Akidah yang kukuh juga dapat mengelakkan mangsa daripada berputus asa dalam kehidupan. Walaupun bencana itu merupakan takdir Allah SWT, manusia tetap mempunyai ikhtiar untuk mengelakkan diri dari bencana tersebut, samada dengan membina infrastruktur yang lebih baik dan anti bencana, atau bersedia dengan langkah-langkah keselamatan agar risiko dapat dikurangkan. Walau teruk manapun musibah yang menimpa seseorang, kehidupan tetap perlu diteruskan dengan keyakinan bahawa Allah SWT tidak akan mensia-siakan kesabarannya dalam mengharungi ujian.

Akidah yang kukuh juga mampu menjadikan manusia melihat segala hikmah di sebalik musibah. Akidah yang kukuh akan mendorong manusia sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT, bahawa Allah SWT mahu menganugerahkan kepadanya kemuliaan melalui musibah yang menimpa. Antara kemuliaan yang terdapat dalam musibah adalah pujian Allah SWT, rahmat dan petunjuk-Nya. Dengan bersabar, seorang hamba akan meraih tiga kemuliaan ini sekaligus. Allah SWT tidak pernah mengumpulkan tiga kemuliaan sekaligus dalam satu ayat kecuali dalam ayat ini:

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ

Maksudnya: Mereka itulah yang mendapat pujian dan rahmat dari Tuhan mereka, dan mereka itulah yang mendapat petunjuk.

(al-Quran. Al-Baqarah: 157)

Selain itu, ujian juga dapat menghapuskan dosa manusia. Rasulullah SAW pernah ditanya, “Golongan manusia yang manakah yang paling berat ujiannya?”, lalu baginda menjawab, “Para Nabi, kemudian yang semisalnya dan semisalnya lagi. Seseorang akan diuji sesuai dengan keadaan agamanya. Apabila agamanya begitu kuat (kukuh), maka semakin berat pula ujiannya. Apabila agamanya lemah, maka dia akan diuji sesuai dengan keadaan agamanya. Seorang hamba sentiasa diuji hingga dia berjalan di muka bumi dalam keadaan bersih dari dosa” (Hadis. Al-Timidhiyy. No. 2398).

Cadangan Penambahbaikan

Secara umumnya, tahap kefahaman akidah responden berada pada tahap yang baik. Justeru, pihak berwajib seperti Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Agama Negeri dan para penyelidik perlu memfokuskan gerak kerja mereka kepada usaha mengekalkan tahap kefahaman ini, di samping menambah baik ruang-ruang tertentu, umpamanya isu berkaitan Soalan 7. Antara usaha yang boleh dilakukan adalah menyediakan kit ilmu akidah berkenaan bencana yang mudah difahami kepada para mangsa banjir. Kit ilmu ini mengandungi kata-kata motivasi, cara

merawat kedukaan dan soalan-soalan lazim berkenaan isu akidah yang berkaitan dengan bencana. Penyedia kit ini juga boleh bekerjasama dengan agensi lain yang mempunyai kepakaran kaunseling seperti Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).

PENUTUP

Kajian dalam bidang seumpama ini masih lagi di peringkat awal dan dalam fasa perkembangan. Kajian ini memerlukan lebih banyak perbincang-perbincangan lanjutan untuk menghasilkan solusi yang menyeluruh, tepat dan komprehensif. Hasil kajian yang dilaporkan ini masih lagi berada dalam peringkat penerokaan dan hanyalah sumbangan kecil dalam bidang yang menjadi fardu kifayah kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Kajian yang bersifat penerokaan sering terdedah kepada kekaburan dan ketidak jelasan.

Menurut Lim (2007), penyelidikan yang bermatlamatkan penerokaan jarang menghasilkan data yang signifikan apatah lagi teori. Matlamat utama penyelidikan seperti ini adalah membentuk soalan kajian yang lebih berfokus dan signifikan untuk dijawab oleh penyelidikan akan datang. Secara umumnya, penyelidikan ini berjaya menghuraikan serba sedikit keadaan dan situasi sebenar mangsa pusat pemindahan banjir berkenaan isu akidah.

RUJUKAN

- al-Bustamiyy, Fu'ad Afran. 1923. *Munjid al-Tullab*. Cet. 22. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ibn Kathir. 2004. *Tafsir Al-Quran Al-ʿAzim*. Beirut: Dar Al-Maʿrifah.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-ʿArab*. Jil. 14. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1983. *al-Fawa'id*. cet. 4. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Lim, Chong Hin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kualitatif Dan Kuantitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Muhammad Naim Yasin. 2009. *Al-Iman Arkanuhu Haqiqatuhu Nawaqiduhu*. First Edition, Cairo: Al-Andalus Al-Jadidah.
- Najib, Ainun. 2011. Peningkatkan Hasil Belajar Siswa Mata Pelajaran Akidah Akhlak Materi Pokok Iman Kepada Malaikat Allah SWT Dan Makhhluk Gaib Selain Malaikat Melalui Strategi Giving Question And Getting Answer Pada Siswa Kelas VII A Mts Nurul Ulum Mranggen Demak Tahun Ajaran 2010/2011. Undergraduate (S1) thesis, IAIN Walisongo.
- Said Haji Ibrahim. 1995. *ʿAqidah Ahl al -Sunnah wa al-Jamaʿah*. Kuala Lumpur: Dar al-Maʿrifah
- Astro Awani, 2014, <http://www.astroawani.com/berita-banjir/banjir-terburuk-di-gua-musang-dalam-tempoh-30-tahun-50817> (diakses pada 25 Ogos 2015).
- BH Online, 2014, <http://www.bharian.com.my/node/26064> (Diakses pada 25 Ogos 2015)
- Mstar, 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/12/29/banjir-kelantan-buruk/> (diakses pada 25 Ogos 2015)

(Footnotes)

¹ Soalan asal adalah, “Manusia tidak mempunyai sebarang ikhtiar dalam menangani masalah banjir ini pada masa hadapan.”

² Soalan asal adalah, “Seseorang yang ditimpa musibah perlu menolak takdir Allah SWT dan menentukan takdirnya sendiri”.

³ Soalan asal adalah, “Allah SWT menzalimi manusia dengan memberikan pelbagai musibah dan ujian”.